

# KEBERKESANAN APLIKASI JAMI' AL-KUTUB AT-TIS'AH DALAM KAJIAN HADIS DI KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

***THE EFFECTIVENESS OF JAMI' AL-KUTUB AT-TIS'AH  
APPLICATION IN THE STUDY OF HADITH AMONG STUDENTS OF  
THE FACULTY OF QURANIC AND SUNNAH STUDIES, UNIVERSITI  
SAINS ISLAM MALAYSIA***

**Nur Ainul Mardhiah<sup>1</sup>**

**Nadhiratul Amirah<sup>2</sup>**

**Farha Izzati<sup>3</sup>**

**Maisarah Saidin<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: ainul.mard@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: nadhiratulamirah@raudah.usim.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: farhaizzati@raudah.usim.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: maisarah@usim.edu.my)

## Article history

**Received date** : 7-8-2023

**Revised date** : 8-8-2023

**Accepted date** : 25-9-2023

**Published date** : 15-10-2023

## To cite this document:

Nur Ainul, Nadhiratul Amirah, Farha Izzati, & Saidin, M. (2023). Keberkesan Aplikasi Jami' Al-Kutub At-Tis'ah Dalam Kajian Hadis Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 74 - 84.

**Abstrak:** *Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah merupakan salah satu aplikasi yang digunakan bukan sahaja untuk mengkaji biografi perawi-perawi hadis bahkan sebagai sumber kajian hadis. Aplikasi ini lebih mudah diakses serta menarik kerana hadis-hadis berkenaan suatu topik telah disusun dan dikumpulkan di dalam satu fail. Biografi tentang perawi-perawi hadis juga telah dinyatakan dengan terperinci dari segi gelaran, pandangan ulama terhadapnya dan info lain. Aplikasi ini dilihat lebih inovatif dan kreatif sekiranya digunakan sebagai medium pembelajaran dan pengajaran Hadis khususnya dalam kajian dan analisa sesuatu hadis. Namun begitu, ramai pelajar kurang mengetahui cara penggunaan aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah dalam pembelajaran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang cara penggunaan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah dalam kajian hadis di samping mengukur tahap kekerapan penggunaannya. Selain itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap keberkesan aplikasi ini kepada pelajar-pelajar Fakulti Pengajian al-Quran dan as-Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui*

instrumen soal selidik yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar fakulti tersebut. Hasil kajian mendapati penggunaan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah mampu mempengaruhi persepsi atau pemahaman pengguna terhadap kajian hadis. Penggunaan aplikasi ini juga sangat membantu pelajar dalam proses pembelajaran khususnya dalam bidang hadis. Kesimpulannya, kewujudan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah pada hari ini memudahkan pelajar dalam menganalisa hadis di samping menjadikannya sebagai salah satu wadah pembelajaran. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelajar-pelajar di luar sana dalam memahami kaedah penggunaan aplikasi serta mempelajari dan membuat penilaian terhadap suatu hadis dengan mudah dan cepat.

**Kata Kunci:** *Aplikasi, Hadis, Jami' al-Kutub at-Tis'ah*

**Abstract:** *The Jami' al-Kutub at-Tis'ah application is one of the applications used not only to study the biographies of hadith narrators but also as a source of hadith studies. This application is more accessible and interesting because the hadiths regarding a topic have been compiled and collected in one file. The biography of the hadith narrators has also been stated in detail in terms of titles, scholars' views on them and other information. This application is seen to be more innovative and creative if used as a medium for learning and teaching Hadith, especially in the study and analysis of a hadith. However, many students do not know how to use the Jami' al-Kutub at-Tis'ah application in learning. Thus, this study aims to provide exposure on how to use the Jami' al-Kutub at-Tis'ah Application in the study of hadith in addition to measuring the frequency of its use. In addition, this study aims to identify the level of effectiveness of this application to the students of the Faculty of Quranic and Sunnah Studies at Universiti Sains Islam Malaysia. This study uses a quantitative approach through a questionnaire instrument implemented among students of the faculty. The results of the study found that the use of the Jami' al-Kutub at-Tis'ah Application is able to influence the user's perception or understanding of hadith studies. The use of this application is also very helpful for students in the learning process, especially in the field of hadith. In conclusion, the existence of the Jami' al-Kutub at-Tis'ah Application today makes it easier for students to analyze hadith while making it one of the learning tools. Therefore, it is hoped that this study can benefit students out there in understanding the method of using the application as well as learning and evaluating a hadith easily and quickly.*

**Keywords:** *Application, Hadith, Jami' al-Kutub at-Tis'ah*

## Pengenalan

Hadis-hadis Nabi memiliki sumber asli (mashadir al-ashliyah) iaitu kitab-kitab hadis yang ditulis dengan sanad tersendiri. Kitab-kitab hadis ini sangat banyak, tetapi sebahagian kaum muslim menyebut dengan beberapa istilah seperti al-kutub al-khamsah, al-kutub al-sittah, al-kutub al-sab'ah, dan al-kutub al-tis'ah (Maizuddin, 2021). Dalam meniti arus kemodenan ini, pelbagai cara yang serba canggih mula diperkenalkan bagi membantu orang ramai mengakses kitab hadis dalam bentuk visual elektronik melalui beberapa aplikasi ICT seperti laman web, aplikasi yang boleh dimuat naik, "Portable Document File" (PDF) dan sebagainya (Shahril Nizam et al., 2015). Selain daripada membantu perkembangan ilmu hadis, cara tersebut secara tidak langsung dapat memperkasa dan memelihara keautorian hadis di era ICT. Antara salah satu aplikasi kitab hadis yang popular di kalangan pelajar ialah aplikasi Jami' al-Kutub al-Tis'ah. Aplikasi Jami' al-Kutub al-Tis'ah merupakan satu aplikasi yang merangkumi sembilan kitab hadis yang terkenal di kalangan ulama dan penyelidik. Aplikasi ini dicipta pada 22

Disember 2016. Aplikasi Jami' al-Kutub al-Tis'ah adalah aplikasi Islam yang paling tepat dan komprehensif untuk ilmu hadis yang dianggap sebagai rujukan paling penting, lengkap, dan menyeluruh. Antara sembilan kitab hadis yang terdapat dalam aplikasi ini ialah kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tarmizi, Sunan Nasai'e, Sunan Ibnu Majah, Muwatta' Malik, Sunan Darimi dan Musnad Ahmad.

### **Objektif Kajian**

- i. Memberi pendedahan tentang cara penggunaan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah dalam kajian hadis.
- ii. Mengukur tahap kekerapan penggunaan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah di kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- iii. Mengenalpasti tahap keberkesanan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah terhadap pembelajaran hadis pelajar-pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

### **Persoalan Kajian**

- i. Bagaimanakah cara penggunaan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah dalam kajian hadis?
- ii. Berapakah kekerapan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah menggunakan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah?
- iii. Adakah Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah berkesan membantu pelajar dalam pembelajaran hadis?


### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.


### **Dapatkan analisis**

Dapatkan kajian mendapati penggunaan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah mampu mempengaruhi persepsi atau pemahaman pengguna terhadap kajian hadis. Penggunaan aplikasi ini juga sangat membantu pelajar dalam proses pembelajaran khususnya dalam bidang hadis.

### **Analisis Paparan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah**




Pada muka depan paparan aplikasi ini ada menyediakan empat bahagian iaitu bahagian carian, kitab-kitab hadis, tafsiran bab dan petikan hadis pilihan. Pada bahagian kitab-kitab hadis ada menyediakan sembilan kitab-kitab hadis yang dipanggil sebagai al-Kutub al-Tis'ah. Antara sembilan kitab hadis yang terdapat dalam aplikasi ini ialah kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmizi, Sunan Nasai'e, Sunan Ibnu Majah, Muwatta' Malik, Sunan Darimi dan Musnad Ahmad. Apabila ditekan pada salah satu kitab hadis contohnya kitab Sahih Muslim, terdapat beberapa bab hadis yang telah disusun mengikut urutan bab. Apabila ditekan pada salah satu bab itu, akan dipaparkan matan hadis, nombor hadis, juzuk dan nombor muka surat.




Jika ditekan pada sanad hadis yang berwarna merah, akan dipaparkan maklumat tentang biografi perawi hadis. Antaranya ialah, nama penuh, gelaran, tarikh lahir, tarikh kematian, dan sebagainya. Pada bahagian tafsiran bab pula menunjukkan bab-bab hadis yang terdapat dalam sembilan kitab-kitab hadis yang dihimpunkan menjadi satu bab. Apabila ditekan pada salah satu bab, ia akan memaparkan tajuk-tajuk hadis yang berkaitan dengan bab tersebut. Pada bahagian petikan hadis pilihan pula, terdapat beberapa petikan hadis yang dibuat seperti infografik yang boleh dikongsi di media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, dan sebagainya.

## Demografi Responden




**Rajah 1: Jantina**

Dalam kajian ini, seramai 45 responden pelajar Fakulti Al-Quran dan Sunnah (FPQS) telah mengambil bahagian dalam soal selidik bagi mendapatkan dapatan kajian. Seramai 17 responden lelaki (37.8%) dan 28 responden perempuan (62.2%) telah mengambil bahagian dalam kajian ini seperti ditunjukkan dalam rajah 1 di atas.



**Rajah 2: Tahun pengajian**


Manakala, rajah 2 menunjukkan carta pai yang mewakili tahun pengajian responden yang terdiri dari tahun 1 seramai 2 orang (4.4%), manakala tahun 2 seramai 2 orang (4.4%), tahun 3 seramai 6 orang (13.3%) dan tahun 4 seramai 35 (77.8%).



**Rajah 3: Kursus**

Selain itu, rajah 3 menunjukkan carta pai yang mewakili kursus responden. Seramai 19 orang responden merupakan dari Sunnah Pengurusan Maklumat (SPM), manakala 12 orang pelajar (26.7%) merupakan pelajar Al-Quran dan Sunnah (QS), diikuti seramai 9 orang pelajar (20%) dari pelajar Quran Multimedia (QM) dan seterusnya seramai 5 responden merupakan pelajar Qiraat (11.1%). Kebanyakan responden adalah pelajar Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat, dan Pengajian Al-Quran dan Sunnah, yang lebih cenderung menggunakan aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah kerana mereka lebih banyak terlibat dengan pembelajaran berkaitan hadis.


#### **Tahap Kekerapan Penggunaan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.**



**Rajah 4**


Rajah 4 di atas menunjukkan seramai 20 orang pelajar (44.4%) dan telah memperoleh jumlah undian tertinggi di mana pelajar memilih 'sangat setuju' dengan pernyataan 'Anda sering menggunakan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah untuk mencari hadis dan perawi hadis'. Seterusnya, diikuti dengan seramai 14 orang pelajar (31.1%) yang memilih 'neutral', 8 orang pelajar (17.8%) memilih 'setuju', 3 orang pelajar (6.7%) memilih 'sangat tidak setuju', dan tiada seorang pelajar pun yang memilih 'tidak setuju' dengan pernyataan tersebut. Jadi, dapat

disimpulkan bahawa majoriti pelajar di fakulti ini menggunakan aplikasi ini untuk mencari hadis dan perawi-perawi hadis.



**Rajah 5**

Rajah 5 menunjukkan seramai 25 orang pelajar (55.6%) memilih ‘neutral’ bagi menyokong pernyataan ‘Anda menggunakan Apikasi Jami’ al-Kutub at-Tis’ah 1-3 kali seminggu’. Ia mendapat undian tertinggi berbanding 4 pilihan jawapan yang lain. Hal ini mungkin kerana mereka lebih terdedah kepada aplikasi lain berbanding Aplikasi Jami’ al-Kutub at-Tis’ah kerana wujudnya pelbagai aplikasi, laman web, dan perpustakaan digital yang memudahkan mereka mengakses hadis dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Seterusnya, jumlah pelajar yang memilih ‘sangat setuju’ dan ‘setuju’ bagi pernyataan tersebut mendapat jumlah undian yang sama, iaitu seramai 7 pelajar (15.6%). Pelajar yang memilih jawapan ‘tidak setuju’ dan ‘sangat tidak setuju’ juga mendapat jumlah ujian yang sama, iaitu seramai 3 orang pelajar (6.7%), dan ia memperoleh jumlah undian terendah.



**Rajah 6**

Rajah 6 menunjukkan pelajar yang memilih ‘neutral’ memperoleh jumlah undian yang tertinggi, iaitu seramai 16 orang pelajar (35.6%) bagi pernyataan ‘Anda meluangkan masa 30 minit hingga satu jam ketika proses pencarian hadis semasa menggunakan Aplikasi Jami’ al-Kutub at-Tis’ah’. Diikuti dengan jumlah undian kedua tertinggi, iaitu seramai 15 orang pelajar (33.3%) yang memilih ‘setuju’, 9 orang pelajar (20%) memilih ‘sangat setuju’, 3 orang pelajar (6.7%) memilih ‘sangat tidak setuju’ dan hanya 2 orang pelajar (4.4%) memilih ‘tidak setuju’. Kesimpulannya, hanya sebahagian pelajar fakulti ini yang menggunakan aplikasi ini selama 30


minit hingga 1 jam, manakala sebahagian yang lain pula berkemungkinan menggunakan kurang daripada 30 minit atau lebih daripada 1 jam.



**Rajah 7**

Rajah 7 menunjukkan majoriti pelajar memilih jawapan ‘neutral’ bagi pernyataan ‘Anda sering membuka Aplikasi Jami’ al-Kutub at-Tis’ah untuk mentakhrij hadis dan belajar hadis secara bersendirian’, iaitu seramai 18 orang pelajar (40%). Pelajar yang memilih ‘sangat setuju’ mendapat undian kedua tertinggi, iaitu seramai 11 orang pelajar (24.4%). Seterusnya, seramai 10 orang pelajar (22.2%) memilih ‘setuju’ diikuti dengan seramai 4 orang pelajar (8.9%) memilih ‘sangat tidak setuju’ bagi menjawab pernyataan di atas. Hanya 2 orang pelajar (4.4%) yang memilih ‘tidak setuju’ dan ia memperoleh jumlah undian terendah berbanding dengan yang lain. Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa hanya sebahagian pelajar di fakulti ini yang menggunakan aplikasi Jami’ al-Kutub at-Tis’ah untuk belajar hadis secara bersendirian, manakala sebahagian pelajar lain tidak menggunakanannya.

#### **Tahap Keberkesanan Aplikasi Jami’ al-Kutub at-Tis’ah Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.**




**Rajah 8**

Pada rajah 8 menunjukkan carta pai bagi jawapan kepada soalan, "Adakah aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah ini mudah digunakan?" Mengikut dapatan kajian, kesemua responden memilih pilihan jawapan "ya", menunjukkan bahawa 45 orang pelajar (100%) mengatakan bahawa aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah ini mudah digunakan. Hal ini kerana kandungan yang disediakan amat mudah untuk difahami.



**Rajah 9**


Selain itu, rajah 9 menunjukkan carta pai bagi jawapan kepada soalan, "Adakah aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah ini membantu anda dalam mengenalpasti status hadis seperti sahih, palsu dan sebagainya?" Mengikut dapatan kajian, majoriti responden memilih pilihan jawapan "ya", bermakna 45 orang pelajar (100%) mengatakan bahawa aplikasi ini sangat membantu mereka dalam mengenalpasti status hadis.



**Rajah 10**

Seterusnya, rajah 10 menunjukkan carta pai bagi jawapan kepada soalan, "Adakah aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah ini membantu anda dalam mencari perawi-perawi hadis dan biografi mereka?" Menurut dapatan kajian, majoriti responden memilih pilihan jawapan "ya" bermakna 45 orang pelajar (100%) menyatakan aplikasi ini sangat membantu mereka dalam mencari

perawi-perawi hadis dan biografi perawi.. Hal ini kerana maklumat tentang perawi sudah lengkap disediakan dalam aplikasi ini.



**Rajah 11**

Akhir sekali, rajah 11 menunjukkan carta pai bagi jawapan kepada soalan, "Setelah anda menggunakan aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah ini, anda sudi memberitahu kepada rakan anda tentang aplikasi ini?" Mengikut dapatan kajian, kesemua responden memilih pilihan jawapan "ya", bermakna 45 orang pelajar (100%) sudi untuk berkongsi kepada rakan-rakan mereka tentang aplikasi ini.

### **Perbincangan**

Berdasarkan dapatan analisis, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan pelajar di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM khususnya perempuan mengetahui cara menggunakan Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah. Kebanyakan daripada mereka adalah pelajar tahun 4 yang mengikuti kursus Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat, diikuti dengan kursus-kursus lain seperti Quran dan Sunnah, Quran dan Multimedia dan Pengajian Qiraat. Bagi mereka, aplikasi ini mudah digunakan dan kebanyakan daripada mereka juga sering menggunakan dalam mencari hadis dan perawi-perawi hadis. Terdapat sebahagian pelajar yang membuka aplikasi ini untuk mentakhrij hadis dan belajarnya secara bersendirian, iaitu bukan hanya sekadar menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Namun demikian, tiada purata tetap untuk menentukan kadar masa penggunaan aplikasi ini di kalangan mereka, sama ada mereka menggunakan 1-3 kali seminggu atau selama 30 minit hingga 1 jam. Secara keseluruhan, Aplikasi Jami' al-Kutub at-Tis'ah sangat membantu mereka dalam mencari hadis, statusnya, perawi-perawi hadis serta mereka sudi memberitahu kawan-kawan mereka mengenai aplikasi ini.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan dalam mengikuti arus kemodenan pada era ini, banyak kemudahan telah dibangunkan bagi memudahkan pengguna mengakses hadis secara atas talian atau melalui aplikasi yang dibuat. Teknologi yang semakin maju dan canggih ini memberi kesan kepada kehidupan masyarakat bergerak mengikuti perkembangannya agar tidak ketinggalan (Fatin et al. 2022). Di samping itu, adalah sangat bermanfaat untuk mempunyai pelbagai kemudahan dalam talian dan aplikasi untuk mempelajari hadis. Namun, sebagai pelajar atau

pengkaji hadis yang berautoriti, kita hendaklah sentiasa merujuk kepada sumber asal (Masadir Asliyyah) sebarang maklumat yang ditemui bagi mengelak sebarang bentuk kesilapan. Walaupun kemudahan dan aplikasi dalam talian yang dibangunkan mudah diakses dan mempunyai banyak faedah sendiri, ia tidak lari daripada kekurangan yang turut muncul bersama dengan faedah yang dimiliki. Bagi aplikasi ini, kelemahan yang dikenal pasti ialah tidak setiap hadis mungkin mempunyai tahap kesahihan yang sama. Ini menunjukkan bahawa sebarang maklumat yang diperoleh daripada mana-mana sumber, termasuk kemudahan dalam talian dan aplikasi mudah alih, perlu dirujuk kepada sumber asal (Masadir Asliyyah) bagi memastikan maklumat yang diperoleh adalah tepat dan tanpa keraguan.

## Rujukan

- AW, L. C. (2020). *Studi Hadis*. Kanzum Books.
- Dalimunthe, R. P., Rizki, A., Nunggal, A., Zulfa, A. A., Saiddudin, A. H., & Nurkholidoh, S. (2021). Studi Takhrij Hadis Menggunakan Metode Tashih, Muqorona, Tahlil, Tarjih, dan Takhkim (Tmt3) Terhadap Hadis Tentang Penyebaran Covid-19. *Jurnal Studi Hadis Nusantara*, 3(1), 60. <https://doi.org/10.24235/jshn.v3i1.9021>
- Hadi, R. T. (2020). Studi Aplikasi Hadis Era Mobile. Islam Transformatif: *Journal of Islamic Studies*, 4(1), 13. <https://doi.org/10.30983/it.v4i1.2629>
- Hidayat, S. (2018). Pengembangan Modul Berbasis Komputer Untuk Aplikasi Mausu'ah Dalam Penelitian Hadis Oleh Mahasiswa. *Pengembangan Modul Berbasis Komputer Untuk Aplikasi Mausu'ah Dalam Penelitian Hadis Oleh Mahasiswa*, 1(1).
- Maizuddin. (2021, June 30). Al-Kutub al-Tis'ah. Retrieved December 15, 2022, from Media Share website: <https://maizuddin.wordpress.com/2021/06/30/al-kutub-al-tisah/>
- Mat Saad, N. F. F., Afifi Arifin, N. S., Abd Karim, N. N., & Syed Hassan, Prof. M. D. S. N. (2022). Keberkesanan Aplikasi Tiktok Dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran dan Sunnah dalam Kalangan Masyarakat. [https://doi.org/http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak7/eprosiding2022/4/PASAK7\\_031\\_NUR\\_FATIN\\_FARHANAH.pdf](https://doi.org/http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak7/eprosiding2022/4/PASAK7_031_NUR_FATIN_FARHANAH.pdf)
- Mustain, Z. (2018). Kontribusi Hadits alam Pendidikan Islam. *Jurnal Studi Islam: Pancawahana*, 13(1).
- Phayilah Yama, Nur Hamisan@khair, Mond Nasir, Noor Azli, Mohamed Masrop, Abdul Awang, Abdul Azis, & Awang Kechik. 2018. Membangunkan Aplikasi Mobil untuk Pemetaan Syajarat al-Asanid dalam Kitab Sahih Muslim. <[http://rmic.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/IRMIC-2018\\_FULLPAPER-DRPHAYILAH\\_YAMA.pdf](http://rmic.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/IRMIC-2018_FULLPAPER-DRPHAYILAH_YAMA.pdf)>
- Shahril Nizam Zulkipli, Norazmi Anas & Asmadi Yakob. 2015. Hadis Digital Era Pemusatan Media Moden. <<https://www.researchgate.net/project/Hadis-Digital-Era-Pemusatan-Media-Moden>>
- Shahril Nizam Zulkipli, Norazmi Anas, Mohd Syukri Mohd Noor, Amran Abdul Halim. 2018. Prestasi Aplikasi Hadis Digital (AHD) dalam Persekutaran Interaktif. <[https://www.researchgate.net/publication/328230695\\_PRESTASI\\_APLIKASI\\_HADIS\\_DIGITAL\\_AHD\\_DALAM\\_PERSEKITARAN\\_INTERAKTIF](https://www.researchgate.net/publication/328230695_PRESTASI_APLIKASI_HADIS_DIGITAL_AHD_DALAM_PERSEKITARAN_INTERAKTIF)>